

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ONG CHONG SWEN**

**TARIKH : 7 MEI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah mekanisme untuk memastikan syarikat "e-hailing" tidak mengenakan atau naikkan harga dengan sesuka hati, ataupun pengguna harus melaporkan perkara ini kepada Tribunal Pengguna.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sedar bahawa terdapat syarikat *e-hailing* yang sedang mendominasi pasaran perkhidmatan *e-hailing* pada masa kini. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat tempatan di negara ini untuk menceburi industri *e-hailing* dan seterusnya mempelbagaikan dan memperhebatkan pasaran perkhidmatan tempahan atas talian.
2. Bagi memastikan pengguna dilindungi daripada risiko kenaikan harga secara tidak munasabah, Kerajaan juga telah menetapkan syarat supaya had kadar surcaj yang boleh dikenakan kepada pengguna adalah sebanyak dua (2) kali ganda sahaja daripada kadar tambang.
3. Jika pengguna mempunyai isu dengan syarikat *e-hailing* dan tidak dapat membuat penyelesaian yang wajar, pengguna tersebut bolehlah merujuk isu tersebut kepada Tribunal Pengguna untuk tindakan selanjutnya.
4. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) turut sentiasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam memastikan wujudnya persaingan yang sihat dalam industri *e-hailing* demi menjaga kepentingan pengguna dan penyedia perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**Maklumat Tambahan**

1. Sehingga 5 April 2019, sebanyak 31 permohonan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) telah diterima oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Status permohonan syarikat-syarikat tersebut adalah sepertimana berikut:
  - a. 17 permohonan diluluskan;
  - b. Tujuh (7) permohonan diberikan kelulusan bersyarat;
  - c. Empat (4) permohonan ditolak; dan
  - d. Tiga (3) permohonan masih dalam proses semakan.
  
2. Terdapat permohonan yang diberikan kelulusan bersyarat kerana syarikat-syarikat tersebut tidak dapat dapat memenuhi kesemua spesifikasi aplikasi minima yang telah ditetapkan seperti tidak mempunyai fungsi butang kecemasan dan aplikasi masih belum dimuat naik pada Google Play Store atau App Store.

Sekian, terima kasih.

